

Menyingkap Perjalanan Jamsari Sabian Sebagai Pemain Bola Sepak Negara

Najat Ahmad Bustamam
Nur Ayuni Syazni Roslan
Nur Fatin Najihah Noruddin
Ap-Azli Bunawan
Mohd Nazir Ahmad

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Artikel ini berasaskan sumber maklumat primer dan sekunder tentang pemain legenda bola sepak negara iaitu Jamsari bin Sabian. Temu ramah dilakukan untuk mendapatkan data tentang latar belakang beliau dan kariernya. Artikel tersebut melaporkan bagaimana dia memulakan kariernya sebagai pemain bola sepak kebangsaan dan pengalamannya semasa terlibat dalam kelab bola sepak dan permainan. Artikel ini juga menerangkan pengalamannya sebagai jurulatih bola sepak untuk pasukan UiTM (Universiti Teknologi Mara Shah Alam) dan Syarikat Air Melaka. Selain itu, pemikiran dan pandangannya mengenai pasukan bola sepak semasa dan kemajuan pasukan bola sepak di bawah bimbingannya juga termasuk dalam artikel ini.

Kata kunci: Jamsari bin Sabian, Bola Sepak, Jurulatih, Piala FA, Piala Sumbangsih

Abstrak

Artikel ini berdasarkan sumber maklumat primer dan sekunder sebelumnya mengenai pemain bola sepak kebangsaan legenda, Jamsari bin Sabian. Temu ramah dilakukan untuk mendapatkan data latar belakang peribadinya dan kariernya. Artikel tersebut melaporkan bagaimana dia memulakan kariernya sebagai pemain bola sepak kebangsaan dan pengalamannya semasa terlibat dalam kelab bola sepak dan permainan. Artikel ini juga menerangkan pengalamannya sebagai jurulatih bola sepak untuk pasukan UiTM (Universiti Teknologi Mara Shah Alam) dan Syarikat Air Melaka. Selain itu, pemikiran dan pandangannya mengenai pasukan bola sepak

semasa dan kemajuan pasukan bola sepak di bawah bimbingannya juga disertakan dalam artikel ini.

Abstract

This article is based on the previous primary and secondary information sources on a legendary national footballer player, Jamsari bin Sabian. The interview was conducted to get the data of his personal background and his career. The article reports how he started his career as a national football player and his experienced during his involvement in the football clubs and games. This article also describes his experiences as a football coach for the UiTM (University of Technology Mara Shah Alam) team and the Malacca Water Company. In addition, his thoughts and views on the current football team and the progress of the football team under his guidance are also included in this article.

Keywords: *Jamsari bin Sabian, Football, Coach, Piala FA, Piala Sumbangsih*

Latar Belakang Jamsari Sabian

Jamsari Sabian merupakan anak kelahiran Kuala Lumpur yang kini menetap di Kolej Meranti UiTM Shah Alam. Beliau merupakan anak kepada pasangan Sabian bin Kulub Yahya dan Zabidah binti Abu Bakar. Ayah kepada Jamsari Sabian berasal dari Kuala Kangsar, Perak. Manakala, ibu beliau berasal dari Masjid Tanah, Melaka. Ayah beliau merupakan seorang bekas pemandu di UTM Jalan Semarak, Kuala Lumpur tetapi telah meninggal dunia ketika Jamsari Sabian berumur 40 tahun. Manakala, ibu beliau merupakan seorang bekas tukang masak hotel di Kuala Lumpur. Beliau merupakan anak ketiga daripada enam orang adik beradik. Beliau mempunyai seorang abang, seorang kakak, dua orang adik lelaki dan seorang adik perempuan. Beliau telah mendirikan rumah tangga pada tahun 2005 bersama isterinya yang tercinta, Nur Hana binti Mohd Nor yang berasal dari Kuala Perlis, Perlis. Isteri beliau merupakan seorang bekas guru dan kini menjadi suri rumah tangga sepenuh masa. Beliau mempunyai tiga orang cahaya mata iaitu dua orang perempuan dan seorang lelaki. Ketiga-tiga anak beliau masih belajar (Jamsari Sabian, 2019).

Dari aspek pendidikan, Jamsari Sabian telah mendapat pendidikan pertama di Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Gurney 2, Kuala Lumpur dari darjah 1

sehingga darjah 6. Setelah tamat darjah 6, beliau telah menyambung pendidikan di peringkat menengah di Sekolah Menengah High School Setapak, Kuala Lumpur dari tingkatan 1 sehingga tingkatan 5. Sekolah tersebut merupakan salah sebuah sekolah sukan di Kuala Lumpur. Beliau diterima masuk ke sekolah tersebut kerana telah terpilih untuk bermain bola sepak. Dalam kesibukan bersukan, beliau telah berjaya mendapat pangkat 2 di dalam keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selepas tamat alam persekolahan, beliau tidak terus menyambung pelajaran di universiti kerana ingin menumpukan sepenuh perhatian kepada sukan bola sepak. Selepas beberapa tahun berikutnya, barulah beliau menyambung pelajaran di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dalam jurusan Sains Sukan. Namun begitu, beliau terpaksa menangguhkan pengajian kerana terikat dengan sukan bola sepak.

Penglibatan Awal Dalam Sukan Bola Sepak

Minat Jamsari Sabian dalam sukan bola sepak telah bercambah sejak di bangku sekolah rendah iaitu pada usia sepuluh tahun. Pada ketika itu, beliau bermain di posisi pertahanan dalam pasukan bola sepak sekolah. Penglibatan yang lebih serius telah diperlihatkan sewaktu beliau berada di sekolah menengah iaitu dari tahun 1990 sehingga 1995 dimana beliau telah dilantik sebagai penjaga gol oleh jurulatih sekolah. Di sinilah, Jamsari mengenali dunia bola sepak secara lebih mendalam. Bercita-cita untuk menjadi pemain bola sepak timbul apabila seorang guru bertanya dan mendorong beliau menjadi pemain bola sepak professional pada masa depan. Beliau tekad meletakkan usaha dan harapan yang tinggi untuk menjadi seorang pemain bola sepak yang terkenal pada suatu hari nanti. Minat beliau yang amat mendalam terhadap sukan bola sepak telah menjadikannya sebagai kerjaya tetap sehingga ke hari ini.

Kejayaan beliau di dalam sukan bola sepak di peringkat sekolah dan universiti telah dibuktikan apabila beliau telah berjaya mewakili Malaysia ke Jepun dalam kejohanan di Coby ketika berusia 12 tahun. Selain itu, beliau juga pernah mewakili Malaysia di dalam pasukan bawah 14 tahun, pasukan bawah 16 tahun dan pasukan latihan 1997 untuk sukan Olimpik Atlanta serta sukan Olimpik Malaysia. Selepas itu, beliau meneruskan langkahnya dalam dunia bola sepak dengan mewakili kelab pasukan Kuala Lumpur pada tahun 1995 sehingga tahun 2000. Di sinilah, beliau telah menjuarai Piala FA 1998 dan juara Piala Sumbangsih pada tahun 2000.

Kemudian, beliau telah berpindah ke kelab pasukan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) pada tahun 2001-2004 dan telah berjaya menggondol Piala Malaysia pada tahun 2003 serta Piala Sultan Cup Selangor. Selain daripada itu juga, pada tahun 2004 beliau menjuarai Liga Perdana dan Sumbangsih (Berita Harian, 2005 & Metro, 2005).

Kerjayanya sebagai pemain bola sepak terus cemerlang di mana beliau telah mewakili negeri iaitu Pasukan Selangor FA pada tahun 2005-2006 dan Pasukan Kedah FA pada tahun 2007 ketika beliau berusia 25 tahun. Beliau telah bermain dalam pasukan negeri Selangor sebanyak 42 perlawanan. Dalam pada itu, beliau telah menjuarai banyak pertandingan iaitu Juara Piala Malaysia 2005, Juara Piala FA 2005, Juara Piala Liga Perdana 2005, Juara Sultan Cup Selangor dan Naib Juara Piala Sumbangsih 2006. Pencapaian beliau sememangnya amatlah membanggakan.

Menceritakan tentang kejayaan beliau, Jamsari Sabian menyatakan bahawa keluarga banyak memberi dorongan dan semangat kepadanya. Selain keluarga, tokoh lagenda bola sepak ternama negara iaitu Allahyarham Mokhtar Dahari juga turut menjadi pembakar semangat beliau untuk terus maju dalam kerjaya bola sepak. Beliau menjadikan Allahyarham Mokhtar Dahari sebagai idola sejak di bangku sekolah lagi dimana beliau amat menyanjunginya sebagai ahli sukan terbaik di negara kita. Beliau juga turut berbangga kerana dapat bermain bersama-sama dalam satu Pertandingan Pesta Bola Merdeka pada tahun 2001. Sejak itu, beliau bertekad untuk terus menggondol kejayaan dalam kejohanan dalam negara mahupun di luar negara. Beliau berpendapat untuk menjadi ahli pasukan bola sepak yang berkaliber, seseorang itu perlu berdisiplin seperti mana idolanya yang merupakan seorang pemain yang sangat berdisiplin dalam dunia bola sepak sehingga menempah nama di persada dunia.

Mewakili Negara

Setelah memperolehi pelbagai kejayaan di peringkat kelab dan negeri, akhirnya beliau terpilih mewakili Malaysia di Kelayakan Piala Dunia pada tahun 2004 sehingga 2006. Beliau kemudiannya melebarkan sayap dalam dunia bola sepak dengan melibatkan diri ke peringkat kebangsaan sebelum mendapat kecederaan yang teruk. Sepanjang di dalam pasukan kebangsaan, beliau pernah menyertai perlawanan di Perancis yang bertempat di Stadium Lafont France. Menceritakan tentang pengalaman ketika mewakili negara, Jamsari menyatakan banyak

pengalaman berharga diperolehi ketika bermain di luar negara. Antaranya ialah dapat bermain bersama pemain idola luar negara selain dapat bermain di Stadium Lafont France yang merupakan tempat pemain antarabangsa bermain untuk setiap perlawanan besar. Beliau juga turut mewakili negara dalam beberapa kejohanan ternama dunia iaitu Kejohanan Piala Dunia 1997, Kejohanan Piala Tiger Cup Vietnam 1998, Kejohanan Kelayakan Olimpik 1995, Kejohanan Kelayakan Olimpik 2000, Kejohanan Pesta Bola Sepak Merdeka 2001, Kejohanan Kelayakan Piala Dunia 2003 dan Kejohanan Kelayakan Piala Asia 2004.

Aktiviti Selepas Bersara

Selepas bersara daripada dunia sukan bola sepak pada tahun 2007, Jamsari telah berkecimpung di dalam dunia perniagaan bersama rakan kongsi beliau yang juga merupakan seorang bekas pemain bola sepak. Mereka pernah menjadi pembekal alatan sukan dan mempunyai syarikat kecil-kecilan dimana terdapat kilang yang menghasilkan pakaian sekolah yang berjenama Canggih.

Oleh kerana minat yang tinggi dalam sukan bola sepak, beliau kembali dalam dunia bola sepak dengan menceburkan diri dalam bidang kejurulatihan dan menjadi jurulatih bola sepak untuk pasukan Syarikat Air Melaka dan pasukan UiTM Shah Alam pada usia 26 tahun. Pada tahun 2015, beliau menjadi jurulatih untuk pasukan KPT (dibawah pasukan UiTM Shah Alam) untuk bermain di Liga Universiti dan pasukan beliau telah mendapat tempat ke-3. Dalam pada itu, beliau juga turut melatih pasukan UiTM untuk pertandingan Piala Menteri KPT dan pasukan beliau menjadi juara. Selain itu, pasukan Masum Sipma yang dilatih oleh beliau juga dinobatkan sebagai juara. Beliau seterusnya mempertarungkan pasukan beliau di dalam pertandingan Piala Presiden UiTM Shah Alam pada tahun 2016, namun nasib tidak menyebelahi pasukan beliau apabila telah mendapat tempat ke-7.

Pada sekitar tahun 2017, beliau telah berpindah ke Melaka dan menjadi jurulatih untuk pasukan Syarikat Air Melaka kerana ingin menjaga ayah beliau yang sedang sakit. Namun begitu, setelah ayah beliau meninggal dunia pada tahun 2018, beliau kembali ke Shah Alam dan menyambung semula kontrak sebagai jurulatih UiTM Shah Alam sehingga kini. Pasukan UiTM yang dikendalikan oleh beliau telah memperoleh pencapaian yang membanggakan apabila dinobatkan sebagai Juara Liga IPT 2018 dan Juara Piala KPM/KPT 2018. Sebagai jurulatih, Jamsari menggunakan pengalamannya untuk mengajar pemain di bawah kendaliannya.

Selain itu, beliau juga sering merujuk kepada bekas jurulatih yang pernah melatih beliau dalam sukan bola sepak iaitu Cikgu Khairuddin dan jurulatih Alen Lim.

Walaupun bagaimanapun, Jamsari terpaksa melupakan kariernya sebagai pemain bolasepak setelah disahkan menghidapi penyakit kanser ulser tahap 4. Beliau akur dengan keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan dan terpaksa melepaskan tanggungjawab beliau sebagai penjaga gol negara. Namun begitu disebabkan minat beliau amat mendalam dalam sukan bola sepak serta tidak mahu mensia-siakan ilmu dan kemahiran sukan bola sepak, beliau tetap menerima tawaran sebagai jurulatih bola sepak daripada pihak UiTM.

Kesimpulan

Bola sepak merupakan sukan yang terkenal di dunia dan menjadi sukan kegemaran pada masa kini. Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya menyokong perkembangan bola sepak negara kita. Walaupun pasukan bola sepak kebangsaan di negara ini masih belum berpeluang beraksi di Piala Dunia, namun pencapaian mereka di dalam pentas bola sepak juga harus sentiasa dipuji dan dihargai. Jasa dan sumbangan ahli pasukan bola sepak amatlah besar kepada Negara kerana mereka telah menjadikan Negara Malaysia dikenali dan juga pernah menempah nama di peringkat dunia hasil sumbangan dari sukan bola sepak seperti Mohd Faiz Subri yang telah berjaya mendapat sentuhan magis setelah merangkul Anugerah Puskas FIFA 2016 di Zurich. Perjalanan yang dilalui oleh Jamsari yang sememangnya bercita-cita ingin menjadi pemain bola sepak yang dikenali menunjukkan rakyat Malaysia mempunyai semangat waja yang tinggi dalam diri serta mampu untuk berdaya saing secara sihat.

Bidang bola sepak memerlukan minat selain bakat dalam melahirkan seorang pemain yang berjaya dan berdisiplin. Dengan berdisiplin, ia juga dapat meningkatkan keyakinan diri disamping sebagai pembakar semangat untuk terus maju dalam bidang yang diminati sepertimana Jamsari yang mempunyai semangat yang sangat kental dan tabah terhadap setiap ujian yang menimpa beliau. Diharapkan rakyat Malaysia terus menyokong karier pemain bola sepak negara dengan menghargai jasa, tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pemain bola sepak ini kerana telah jelas mereka ini telah menyumbang kepada pembangunan sukan Negara terutamanya dalam sukan bola sepak.

Rujukan

Astro Awani (2019, 27 November). Sentuhan magis Faiz Subri menang Anugerah FIFA Puskas 2016. Diakses pada 27 November 2019 di <http://www.astroawani.com/berita-sukan/sentuhan-magis-faiz-subri-menang-anugerah-fifa-puskas-2016-128460>

Jamsari, S. (2019,18 Oktober). Temubual bersama pemain bola sepak Negara [Temubual Persendirian]